



Pelabelan Makanan: Adakah Anda Usahawan yang Peka?

Anis Shuhaiza Bt Md Salleh*

Yusramizza Bt Md Isa @ Yusuff

Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: shuhaiza@uum.edu.my

ABSTRAK

Perusahaan makanan ringan adalah perniagaan yang berkait rapat dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)¹. Sama ada pengusaha IKS ini peka atau tidak dengan kehendak undang-undang mengenai pelabelan makanan isu ini masih menjadi tandatanya memandangkan masih terdapat banyak produk yang tidak dilabelkan. Sekiranya ia dilabelkan kekaburan masih ada apakah maklumat yang perlu ada pada label tersebut telah mematuhi kehendak undang-undang. Persoalan yang seterusnya adakah penglabelan ini suatu yang mandatori kepada pengeluar makanan dan apakah wujud sebarang penalti terhadap mereka yang ingkar. Pelabelan yang baik seharusnya membuat pengguna beryakinan dan berasa selamat dengan makanan yang dipilih serta mampu membeli mengikut keperluan, sama ada untuk tujuan diet, kesihatan, harga atau lain-lain keutamaan. Pelabelan makanan dapat dilihat sebagai satu cara untuk mengawal tindakan pengeluar makanan yang cuba mencari keuntungan dengan menipu pengguna melalui pelbagai cara seperti memasukkan bahan tiruan, bahan terlarang atau bahan berkualiti rendah yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Pelbagai usaha serta undang-undang dan peraturan telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menjamin kualiti dan keselamatan produk-produk makanan tempatan. Artikel ini cuba memfokus kepada pelabelan makanan di bawah undang-undang di Malaysia dengan melihat kepada syarat-syarat pelabelan yang perlu dipatuhi oleh pengeluar makanan bagi memberi pengetahuan kepada pengguna untuk memilih barangan terbaik. Peruntukan undang-undang berkaitan pelabelan makanan di beberapa negara luar terpilih turut dilihat sebagai perbandingan.

Katakunci: *pelabelan makanan, syarat-syarat pelabelan, akta makanan, mandatori*

Food Labelling: Are You A Sensitive Entrepreneur?

ABSTRACT

The manufacturing of light foods is a business closely associated with the Small and Medium Enterprises (SME)¹. Whether a SME entrepreneur is sensitive to the legal needs of food labelling or otherwise, this issue still remains a question because many foods are still not labelled. And even if the food is labelled, uncertainties still arise as to whether the information on the label actually complies with the legal requirements. It is also the question of whether labelling is mandatory upon the food producers and whether a penalty is imposed for non-compliance. A good labelling should be able to increase consumers' confidence and safety for the foods chosen, either for the purpose of dieting, health, price or other preferences. Food labelling is a method for monitoring the food producers who intend to reap profits by cheating consumers through various means such as the use of imitative contents and prohibited or low-quality materials which can endanger consumers' health. Various efforts as well as laws and regulations have

¹IKS didefinisikan sebagai perusahaan yang mempunyai 20-99 pekerja dalam sektor pembuatan atau 10-99 pekerja dalam sektor perkhidmatan (<http://www.epu.jpm.my/new%20folder/zakiah/D.section2.pdf>).

been imposed by the government to ensure local food products with good quality and safety levels. This article focuses on food labelling under the Malaysian laws by looking at the labelling requirements that should be adhered to by the food producers as this would provide consumers with the knowledge for making their best choice of goods. Legal provisions on food labelling from selected foreign countries are also included as comparisons.

Keywords: food labeling, labeling requirements, food act, mandatory

PENGENALAN

Sekiranya anda mengunjungi tempat-tempat perlancongan dan negeri-negeri persisir pantai seperti Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Redang dan lain-lain di Malaysia, antara senario biasa yang dapat dilihat ialah penjualan makanan berasaskan hidupan laut seperti belacan, keropok dan pelbagai jenis makanan ringan. Begitu juga sekiranya anda mengunjungi beberapa daerah di negeri Selangor seperti Sabak Bernam, Tanjung Karang, Banting dan Sepang yang terkenal dengan IKS yang melibatkan pengeluaran pelbagai jenis kerepek dan makanan ringan. Sebelum membeli, selain faktor harga yang diambil kira oleh pengguna, maklumat yang tertera pada pembungkus makanan tersebut atau dinamakan label adalah salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian.

Pelabelan pemakanan adalah keterangan mengenai tahap atau kandungan nutrien yang terdapat pada pembungkus makanan. Ia merupakan keterangan yang benar mengenai kualiti pemakanan bahan makanan tersebut.² Pelabelan makanan ini adalah penting kerana label berfungsi sebagai pemberi maklumat kepada pengguna mengenai manfaat kesihatan, jumlah dan jenis nutrien yang terkandung di dalam makanan. Ini membantu pengguna memilih apa yang diperlukan sebagai panduan terutamanya kepada mereka yang mementingkan perancangan pemakanan sihat. Selain daripada itu, pelabelan makanan membolehkan pengguna membandingkan makanan seperti kandungan nutrien dan kualiti ramuan yang digunakan. Ia juga penting sebagai usaha untuk memantau kualiti produk kerana pengeluar perlu bertanggungjawab dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan segala maklumat yang dipaparkan adalah betul terutama kandungan nutriennya.³

Kebiasaannya, label makanan mengandungi fakta dan kandungan nutrisi, bahan-bahan, pengeluar, tarikh luput, sijil halal, pernyataan sama ada makanan adalah dari bahan organik atau tiruan serta tuntutan kesihatan yang tertentu.⁴ Menurut peruntukan *Food Labelling Regulations, 1996*⁵ label makanan perlu mengandungi fakta-fakta mengenai nama makanan, senarai bahan-bahan, jumlah bahan-bahan yang terkandung di dalam makanan tersebut, tempoh luput, apa-apa cara penyimpanan, nama perniagaan dan pengeluar, tempat asal, proses yang digunakan dalam pengeluaran serta arahan penggunaan. Manakala menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Kawalan Mutu Makanan, Majlis Perbandaran Kota Setar⁶ keperluan pelabelan pada bungkusan makanan adalah nama sebutan sebenar produk, ramuan dan kandungan, nama dan alamat lengkap pembuat, pembungkus atau pengimpot, penandaan tarikh (jika perlu) dan isi padu atau berat bersih makanan.

Selain itu, sebagai langkah untuk menyaingi dan menjamin produk makanan Malaysia berada sebaris dengan produk negara-negara lain, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertanian telah

²Dr. Tee E Siong, Presiden, Persatuan Pemakanan Malaysia dan Pengerusi, Kumpulan Kerja Pemakanan, Tuntutan Kesihatan dan Pengiklanan.

³<http://www.utusan.com.my>

⁴www.nutriweb.org.my

⁵www.food.gov.uk/foodlabelling/uk

⁶ Diwujudkan pada Februari 1987 dan terletak di bawah Bahagian Kesihatan Awam yang bertanggungjawab menyelaras dan merancang program kawalan mutu makanan di peringkat Majlis Perbandaran Kota Setar. Pengawasan pelabelan makanan merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan oleh Unit ini.

memperkenalkan logo "Malaysia Best". Pelabelan produk makanan beserta logo "Malaysia Best" menunjukkan bahawa produk tersebut telah mencapai tahap kualiti yang baik sesuai untuk dieksport dan bersaing di global market. Pelabelan makanan yang disertakan dengan perakuan sijil halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut meningkatkan keyakinan pengguna terutamanya pengguna Muslim mengenai aspek kebersihan dan keselamatan makanan tersebut.

Sehubungan itu, pengusaha-pengusaha industri kecil makanan termasuklah makanan tradisional adalah disaran meningkatkan mutu pembungkusan dan meletakkan label pada produk keluaran supaya ia mendapat tempat di pasararan tempatan dan luar negara. Ini boleh dilakukan dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada pelbagai ejensi seperti Lembaga Pemasaran Hasil Pertanian Malaysia (FAMA) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI).⁷ Antara khidmat nasihat dan kursus yang disediakan termasuklah menyediakan maklumat pemakanan bagi penyediaan label pembungkusan yang betul, analisis kepatuhan produk kepada Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985, analisis maklumat pemakanan, khidmat nasihat pembangunan sistem kualiti dan memberikan pengetahuan bagi melaksanakan sistem pengurusan kualiti seperti *GMP* dan *HACCP*.⁸

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Di Malaysia, Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Makanan 1985 merupakan undang-undang utama yang mengawal aktiviti berkaitan pengeluaran makanan. Ia terpakai di seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Tujuan penggubalan akta ini adalah untuk melindungi orang ramai dari kemudaratan dan penipuan melalui penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan serta perkara-perkara lain yang bersangkutan. Akta ini terbahagi kepada 5 bahagian yang meliputi aspek pentadbiran dan penguatkuasaan, jenis-jenis kesalahan dan keterangan, eksport, waranti dan pembelaan serta perkara-perkara lain yang meliputi pendakwaan, kuasa untuk mengenakan kompaun, perlindungan terhadap tindakan undang-undang, kuasa menggubal undang-undang, gantirugi dan sebagainya. Pelabelan makanan diperuntukkan di bawah Bahagian III seksyen 15 dan 16.

Seksyen 2 Akta Makanan mendefinisikan label sebagai meliputi apa-apa tag, jenama, tanda, benda bergambar atau lain-lain perkara perihalan, yang bertulis, bercetak, berstencil, bertanda, bercat, bercetak timbul atau dicap pada apa-apa makanan atau dilekatkan pada apa-apa makanan atau dimasukkan ke dalam makanan menjadi sebahagian daripada makanan atau disertakan dengan apa-apa makanan. Manakala seksyen yang sama mentafsirkan makanan sebagai meliputi setiap barangan yang di kilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman untuk kegunaan manusia atau yang masuk pada atau digunakan dalam campuran, penyediaan, pengawetan apa-apa makanan atau minuman dan meliputi gula-gula, benda-benda kunyahan dan apa-apa ramuan bagi makanan, minuman, gula-gula atau benda-benda kunyah.

Definisi yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 ini merupakan satu definisi yang luas mengenai perbuatan yang dikategorikan sebagai pelabelan. Sementara definisi makanan juga meliputi skop yang agak luas memandangkan definisi makanan termasuklah setiap makanan atau minuman yang dijual atau dikilangkan untuk kegunaan manusia secara fizikalnya atau sebagai bahan campuran melalui proses penyediaan ataupun pengawetan.

Selanjutnya, Akta Makanan 1983 yang merupakan akta induk yang mengawalselia aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengiklanan dan lain-lain perkara berkaitan makanan telah memperuntukkan kuasa melalui seksyen 34 kepada Menteri untuk menggubal peraturan-peraturan bertujuan memberi kesan perlaksanaan

⁷ Tukiran Kitam, *Tingkat Pembungkusan, Label Makanan Tradisi*, 12 Ogos 2004.

⁸ www.famaxchange.org/index

yang lebih baik kepada Akta. Oleh itu, sekiranya suatu standard telah ditetapkan bagi apa-apa makanan maka sesiapa yang membungkus, melabel atau mengiklankan serta menyediakan apa-apa makanan dengan tidak menepati standard yang ditetapkan atau mengelirukan sebagai makanan dari standard yang ditetapkan adalah dikira melakukan kesalahan di bawah Akta. Hukuman yang menanti mereka yang disabitkan adalah penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.⁹

Namun, sekiranya diamati peruntukan tersebut hanyalah menyediakan hukuman kepada mereka yang gagal mematuhi standard tertentu yang dinyatakan di dalam Peraturan antaranya berkaitan pelabelan serta hukuman bagi mereka yang membuat pelabelan palsu. Seksyen 16 memperuntukkan

“Mana-mana orang yang menyedia, membungkus, melabel atau menjual apa-apa makanan dengan suatu cara yang palsu, mengelirukan atau memperdayakan berkenaan dengan sifat, jenis, nilai, bahan, kualiti, komposisi, merit atau keselamatan, kekuatan, ketulenan, berat, asal-usul, lama atau bahagian kandungannya atau bersalahan dengan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.”

Tidak terdapat peruntukan yang mewajibkan pelabelan dibuat ke atas semua jenis makanan yang dihasilkan. Melalui peruntukan Peraturan Makanan 1985, hanya makanan tertentu sahaja yang diwajibkan untuk dilabelkan. Ini termasuklah makanan yang bertujuan khusus seperti susu formula bayi dan makanan berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak. Selain itu, makanan yang diperkaya atau ditambahkan dengan vitamin atau mineral tertentu juga perlu mempunyai keterangan berkenaan jumlah nutrien pada labelnya. Manakala bagi kebanyakan makanan lain yang didapati mempunyai pelabelan makanan, kebanyakan label tersebut diletakkan sendiri oleh pengeluar secara sukarela untuk kemudahan pengguna.¹⁰

Namun, kerajaan sedang mengambil langkah melalui Kementerian Kesihatan untuk mewajibkan semua produk makanan keluaran syarikat tempatan dan multinasional termasuklah syarikat perusahaan kecil dan sederhana sebelum boleh dipasarkan supaya mendapat kelulusan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM). Peraturan baru ini dikenali sebagai prosedur kelulusan prapasaran pelabelan (premarket approval) yang kini turut dikuatkuasakan di Thailand dan Indonesia.¹¹ Ia antara lain bertujuan memastikan produk makanan dijual adalah selamat dan bertujuan menangani masalah penyalahgunaan pelabelan. Melalui peraturan baru ini, syarikat pengeluar makanan perlu menghantar contoh produk atau kertas cadangan label makanan berkaitan untuk dianalisis kandungan dan fungsi nutrien serta memastikan maklumat pelabelan tidak menyalahi undang-undang.¹²

Bagi memberi kesan kepada Akta Makanan, pihak Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan garis panduan berkaitan pelabelan di Bahagian IV Peraturan Makanan 1985 di mana ia memperuntukkan antaranya kehendak-kehendak am berkaitan pelabelan, butir-butir pelabelan, bentuk dan cara pelabelan, penandaan tarikh, perkara yang dilarang dalam label dan lain-lain. Secara amnya, Perkara 9 menyatakan bahawa makanan yang terkandung dalam sesuatu bungkusan tidak dibenarkan untuk disedia, diiklan atau dijual melainkan dilabelkan mengikut kehendak Peraturan berhubung dengan bungkusan. Sebagai contoh, ia menetapkan pelabelan mestilah menggunakan Bahasa Malaysia,¹³ setiap label mestilah dinyatakan nama dan sebutan sebenar produk tau suatu perihalan mengenai makanan itu dengan mengandungi nama

⁹ Seksyen 15 Akta Makanan 1983.

¹⁰ Dr. Tee E Siong, *Apa yang Patut Anda Tahu – Cadangan Pelabelan dan Tuntutan Pemakanan*. Sila rujuk laman web Persatuan Pemakanan Malaysia di <http://nutriweb.org.my>

¹¹ Norliza Abd. Rahman, *Produk Makanan Wajib Jalani Analisis Kandungan Zat*, Utusan Malaysia, 12 Feb. 2008.

¹² Abdul Razak Raaff, *Produk Makanan Wajib Lulus BKMM*, Berita Harian, 12 Feb. 2008.

¹³ Perkara 10

biasa ramuan utama utamanya atau sekiranya makanan itu mengandungi daging lembu atau daging babi mestilah dinyatakan suatu pernyataan tentang adanya kandungan daging tersebut dalam perkataan "MENGANDUNGI" atau apa-apa perkataan lain yang bermaksud sedemikian supaya pengguna tidak terkeliru dan sukar membuat pilihan. Begitu juga sekiranya makanan tersebut mengandungi alkohol. Perkataan MENGANDUNGI ALKOHOL atau perkataan lain yang membawa maksud sedemikian mestilah dinyatakan.¹⁴

Seterusnya, Perkara 14 memperuntukkan tentang penandaan tarikh pada label makanan yang dibahagikan kepada tarikh akhir atau tarikh ketahanan minimum. Tarikh akhir bermaksud tarikh selepas mana makanan itu, apabila disimpan mengikut apa-apa keadaan penstoran yang dinyatakan pada label, tidak mungkin mengekalkan ciri-ciri kualiti yang biasanya diharapkan oleh pengguna. Manakala tarikh ketahanan minimum beerti tarikh hingga mana makanan itu, apabila disimpan mengikut apa-apa keadaan penstoran yang dinyatakan pada labelnya, akan mengekalkan apa-apa kualiti tertentu yang telah diakui tersirat atau nyata. Antara makanan yang memerlukan penandaan tarikh adalah seperti biskut, roti, makanan berasaskan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak, coklat, krim kelapa, rumusan bayi, susu dan hasil susu, makanan bertujuan khas, aditif makanan yang mempunyai tempoh penggunaan kurang daripada 18 bulan dan lain-lain seperti dinyatakan dalam Jadual Kelima.

Bagi mereka yang ingkar mengenai syarat pelabelan yang tidak melibatkan isu kesihatan dan keselamatan pengguna seperti penggunaan bahasa, bentuk dan cara pelabelan akan dikenakan peringatan dan diberi peluang membetulkan kesilapan, menghabiskan stok tersebut di pasaran sebelum mencetak semula label baru. Namun, bagi label yang melibatkan isu kesihatan, akuan (claims) berlebihan terhadap produk tidak dibenarkan sama sekali terutamanya jika tiada sebarang kajian oleh pihak kesihatan bagi membuktikan tuntutan tersebut. Pengeluar hanya dibenarkan mencetak fungsi nutrien pada label produk tanpa akuan-akuan yang berlebihan.¹⁵ Bagi mereka yang ingkar tindakan yang lebih tegas akan dikenakan termasuklah mendakwa mereka di mahkamah dan menarik balik produk mereka dari pasaran.

Menurut garis panduan umum CODEX¹⁶ berkaitan akuan yang dilarang termasuklah akuan yang menyatakan bahawa makanan tersebut menyediakan semua nutrisi yang penting kecuali diperakui oleh CODEX standard atau diperakui oleh pihak berkuasa bahawa produk tersebut menyediakan sumber yang mencukupi bagi semua nutrisi yang penting. Selain itu, akuan yang secara tersiratnya menyatakan bahawa diet seimbang atau makanan biasa (ordinary food) tidak boleh membekalkan jumlah yang mencukupi untuk semua nutrisi, akuan yang tidak dapat dibuktikan serta akuan yang boleh menimbulkan keraguan tentang keselamatan makanan yang sama kepada pengguna merupakan antara akuan-akuan yang dilarang di bawah garis panduan umum CODEX.¹⁷

Sementara itu, terdapat garis panduan pelabelan nutrisi CODEX¹⁸ yang memperuntukkan prosedur-prosedur pelabelan nutrisi pada makanan. Ia membahagikan pelabelan nutrisi kepada 2 komponen iaitu pengishtiharan nutrien (nutrient declaration) dan maklumat nutrisi tambahan (supplementary nutrition information). Seksyen 3.1.1 memperuntukkan bahawa pengishtiharan nutrien adalah mandatori untuk makanan yang tuntutan nutrisi dibuat ke atasnya selaras dengan seksyen 2.4 garis panduan ini. Di bawah seksyen 2.4 tuntutan nutrisi bermaksud apa-apa representasi yang menyatakan, mencadangkan atau secara

¹⁴ Perkara 11

¹⁵ Zanariah Abd Mutalib, *Tindakan kepada Pengeluar yang Langgar Peraturan Iklan dan Label Produk Makanan*, 12 Feb.2008. mstar.com.my

¹⁶ The Codex Alimentarius Commission (CAC) atau dikenali sebagai CODEX adalah badan inter-kerajaan yang ditubuhkan pada 1963 bertujuan membangunkan standard makanan antarabangsa, kod amalan, garis panduan dan saranan secara bersama di bawah FAO (Food and Agriculture Organisation of the United Nations, WHO (World Health Organisation) dan *Food Standard Programme*.

¹⁷ CAC/GL 1-1979(Rev.1-1991)[16].

¹⁸ CAC/GL 2-1985(Rev.1-1993)[17].

tersiratnya menyatakan bahawa makanan tersebut mengandungi bahan-bahan nutrisi tertentu termasuklah nilai tenaga, kandungan protin, lemak dan karbohidrat, vitamin serta galian. Manakala bagi lain-lain makanan pengistiharan nutrien adalah secara sukarela sahaja.¹⁹ Selanjutnya, CODEX juga turut memperuntukkan garis panduan mengenai kriteria-kriteria penggunaan terma "Halal"²⁰ pada label makanan merangkumi jenis makanan atau minuman yang dikategorikan halal, kriteria penyembelihan, penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, pengangkutan dan peng storan. Apabila pengeluar membuat tuntutan bahawa produk mereka adalah halal, perkataan Halal atau seumpamanya mestilah wujud pada label makanan tersebut.

Ringkasnya, walaupun terdapat beberapa peruntukan statutori berkaitan pelabelan makanan namun ia tidak akan berkesan tanpa rasa tanggungjawab dan keperihatinan pengeluar makanan untuk melabelkan produk mereka dengan betul dan jelas. Peruntukan undang-undang ini agak sukar untuk dikuatkuasakan secara meyeluruh memandangkan terdapat beberapa kekangan seperti kekurangan kakitangan dan penguatkuasa untuk memantau semua produk makanan, kepelbagaian produk makanan yang dihasilkan untuk pasaran dan kegunaan pengguna tempatan serta tiada kehendak mandatori untuk semua jenis produk dilabelkan.

PELABELAN MAKANAN DI BEBERAPA NEGARA LUAR

Pelabelan makanan di kebanyakan negara maju atau negara membangun juga adalah tidak diwajibkan. Pelabelan makanan adalah tidak secara mandatori tetapi sebaliknya, hanya dilaksanakan secara sukarela oleh kebanyakan pengeluar makanan. Antara negara jiran negara kita yang mengamalkan pelabelan secara sukarela ini adalah Thailand dan Singapura. Walau bagaimanapun, terdapat negara seperti Amerika Syarikat yang sangat proaktif berbanding negara-negara lain kerana telah menguatkuasakan pelabelan mandatori kepada semua pengeluar makanan di negara tersebut.

Berikut diberikan beberapa penerangan utama tentang kedudukan pelabelan makanan di beberapa negara termasuklah Singapura, Thailand, Korea Selatan dan United Kingdom yang mengamalkan pelabelan sukarela serta Amerika Syarikat yang mengamalkan pelabelan mandatori:

Singapura

Pelabelan makanan di Singapura secara sukarela telah berkesinambungan sejak sekian lama. Satu garis panduan untuk pelabelan makanan mandatori telah dicadangkan namun masih belum direalisasikan sehingga kini. Akta Jualan Barangan (Chapter 283) menghendaki bahawa semua makanan yang dibungkus dan *beverage products* perlu dilabelkan dengan sempurna. Peraturan-Peraturan Makanan di Singapura menetapkan bahawa pelabelan makanan di Singapura hanya diwajibkan jika terdapat pernyataan tentang nutrisi pada makanan yang dikeluarkan. Pelabelan ini juga dimestikan kepada makanan yang tidak melalui proses radiasi, makanan yang mengandungi pemanis tiruan and *Royal Jelly*. Secara umumnya, Peraturan Makanan Singapura menetapkan pelabelan makanan perlu mengandungi aspek-aspek berikut:

- i) Nama dan diskripsi produk;
- ii) Senarai bahan-bahan;
- iii) Kuantiti Bersih (kecuali arak yang memabukkan dan minuman bergas);
- iv) saiz huruf dalam label tidak boleh kurang daripada ketinggian 1.5 millimeter;

¹⁹ Garis panduan CODEX berkaitan pelabelan nutrisi telah dihantar kepada semua ahli FAO dan WHO sebagai teks panduan dan tertakluk kepada individu kerajaan untuk menentukan pemakaiannya.

²⁰ CAC/GL 24-1997 [27]

- v) Nama/Alamat pengeluar atau pengimpot;
- vi) Negara asal (bagi produk makanan yang diimpot);
- vii) Tanda tamat tempoh makanan (bagi produk makanan *perishable*).²¹

Undang-undang pelabelan makanan di Singapura pada masa kini dikuatkuasakan oleh Jabatan Kawalan Makanan dalam Kementerian Alam Sekitar, Singapura.²²

Thailand

Pelabelan makanan di Thailand juga tidak diwajibkan. Secara umumnya, pelabelan makanan di Thailand adalah berdasarkan format pelabelan yang mengandungi aspek-aspek berikut :

- i) nama makanan;
- ii) kandungan bersih makanan dalam sistem metrik;
- iii) tarikh, bulan dan tahun pengeluaran; serta tarikh, bulan dan tahun makanan tamat tempoh; atau tarikh, bulan dan tahun makanan akan kekal dalam kualiti yang baik atau mematuhi piawaian;
- iv) number pendaftaran produk makanan atau number kelulusan label makanan;
- v) nama dan alamat pengeluar atau pembungkus bersama mengikut kes makanan tersebut, dan bersama-sama negara pengimport (jika melibatkan barang impot);
- vi) kandungan penting makanan. Kandungan ini disenaraikan dengan memasukkan aspek peratusan keseluruhan kandungan makanan tersebut, bermula daripada kandungan yang terbesar.
- vii) Tanda niaga atau jenama;
- viii) Arahan penyediaan makanan (jika ada);
- ix) Perkataan “Pengawet Digunakan” (jika ada);
- x) Perkataan “Perasa asli ditambah”, “Perasa tiruan ditambah” atau sebgainya perlu dinyatakan jika digunakan;
- xi) Perkataan “Pewarna asli makanan ditambah” atau “Pewarna kimia makanan ditambah” perlu dinyatakan jika digunakan;
- xii) Perkataan “Enhancer makanan digunakan...%” dinyatakan sebagai peratusan daripada jumlah besar kandungan makanan;
- xiii) Arahan-arahan penggunaan dan maklumat-maklumat berfaedah yang lain untuk produk makanan yang akan digunakan oleh sekumpulan pengguna (seperti jadual yang menggariskan penjadualan penyusuan bayi);
- xiv) Label-label yang mengandungi pernyataan-pernyataan, gambar-gambar, foto-foto, tanda-tanda, tanda niaga-tanda niaga dan sebagainya tidak seharusnya memberikan maklumat yang memesongkan serta menyebabkan implikasi-implikasi keterlaluan tentang prosuk makanan tersebut;
- xv) Label juga tidak boleh mengandungi gambar-gambar, foto-foto, tanda-tanda, tanda niaga-tanda niaga yang secara jelas atau tersirat mengiklankan produk-produk yang lain.²³

Walau bagaimanapun, Dr Chanin Charoenpong, Pakar senior dalam Bahagian *Standards of Health Products, Thailand Food & Drug Administration* (Thai FDA) menyatakan bahawa pelabelan nutrisi hanya diwajibkan pada makanan-makanan yang mengandungi deklarasasi nutrisi, makanan yang menggunakan nutrisi untuk tujuan promosi jualan dan makanan yang ditujukan kepada kumpulan pengguna yang khusus untuk tujuan promosi jualan.

²¹ Produk makanan *perishable* termasuklah yogurt, jus buah-buahan, makanan bayi, minyak masak, coklat, bijirin sarapan dan tepung.

²² http://www.ats.agr.gc.ca/asean/singapore_label-e.htm.

²³ Food labelling requirements for Thailand, www.ats.agr.gc.ca/asean/thailand_label-e.htm atas talian pada 25 April 2008.

Bagi memantapkan penguatkuasaan pelabelan mandatori makanan ini, *Thai Food and Drug Administration* (Thai FDA) juga telah melaksanakan sistem kelulusan pra-pemasaran bagi semua produk makanan.

Dalam perkembangan terbaru, FDA Thailand sedang melakukan perancangan bagi memperluaskan skop makanan yang tertakluk kepada penglabelan mandatori. FDA Thailand akan mewajibkan pelabelan nutrisi makanan kepada lima jenis makanan ringan yang gemar digunakan oleh kanak-kanak. Selain itu, penggunaan sistem kepelbagaian lampu isyarat serta *guideline daily amount* (GDA) untuk energi, lemak, gula dan sodium sedang dikaji.²⁴

Korea Selatan

Korea Selatan telah memulakan pelabelan mandatori makanan bagi sejumlah kecil makanan pada tahun 1996 dan terus berkembang dari setahun ke setahun bagi meliputi pelbagai produk makanan. Pelabelan mandatori yang mula diperkenalkan pada tahun 1996 di Korea Selatan mewajibkan pelabelan kandungan kalori, karbohidrat, protein, lemak dan sodium yang terkandung dalam makanan untuk kegunaan diet yang khusus. Pada tahun 2003, pelabelan mandatori nutrisi ini diluaskan kepada roti, *noodles* dan makanan *retorted* serta kepada *confectionary* dan *beverages* pada tahun 2005.

Berkuatkuasa mulai bulan Disember 2007, pelabelan makanan perlu mengandungi pernyataan tentang kandungan gula, lemak saturat, lemak *trans* dan kolestrol.²⁵

United Kingdom

Pelabelan kebanyakan makanan di United Kingdom diselia oleh peruntukan-peruntukan dalam *Food Labelling Regulations 1996*. Namun, pelabelan makanan di United Kingdom juga tidak secara mandatori kecuali bagi produk-produk makanan tertentu.

Peraturan Makanan ini menyenaraikan keperluan-keperluan yang terperinci berkaitan pelabelan makanan. Keperluan-keperluan tersebut melibatkan aspek-aspek berikut:

- i) Nama ringkas produk makanan;
- ii) senarai bahan-bahan;
- iii) jumlah bahan-bahan yang dinamakan atau diberikan bersama dengan makanan tersebut;
- iv) tanda tarikh pengeluaran yang sesuai;
- v) tarikh tamat tempoh;
- vi) nama dan alamat perniagaan dan pengeluar, pembungkus atau penjual;
- vii) dalam kes tertentu, tempat asal makanan (bagi makanan yang diimport);
- viii) dalam kes tertentu, proses yang terlibat dalam pengeluaran makanan;
- ix) dalam kes tertentu, syarat-syarat penyimpanan yang khusus;
- x) dalam kes tertentu, arahan-arahan untuk menggunakan makanan tersebut.

Pelabelan mandatori bagi makanan tertentu di United Kingdom diselia oleh *Food Safety Act 1990*. Akta ini telah memperuntukkan peraturan-peraturan penglabelan kandungan/komposisi produk-produk makanan tertentu iaitu roti, tepung, koko, coklat, kopi, susu, jus buah-buahan, formula bayi, madu, jem, produk daging (iaitu sosej, burger dan pie), air mineral semula jadi, lemak dan gula.²⁶

²⁴*The star*, Sunday December 23, 2007

²⁵*The Star*, Sunday December 23, 2007

²⁶ <http://www.food.gov.uk>

Semua maklumat yang dinyatakan dalam label makanan adalah tertakluk kepada Seksyen 15 *Food Safety Act 1990* yang memperuntukkan bahawa wujud satu kesalahan bagi mendiskripsikan makanan secara salah atau melabelkan makanan dalam cara yang memesongkan pengguna berkaitan sifat asalnya, *substance* atau kualiti. Di United Kingdom, penguatkuasaan undang-undang makanan dipertanggungjawabkan atas pihak berkuasa makanan tempatan yang bekerjasama dengan *Local Port Health Authority, the Trading Standards* atau *Environmental Health Department*.²⁷

Amerika Syarikat

Amerika Syarikat merupakan negara contoh yang telah maju ke hadapan dalam aspek pelabelan makanan. Hal ini demikian kerana pelabelan makanan di benua terbesar di dunia ini telah dilaksanakan secara mandatori. Pelabelan makanan di Amerika Syarikat dikawal oleh beberapa peraturan yang dikeluarkan oleh *Food and Drug Administration, Department of Health and Human Services* and the *Food Safety and Inspection Service of the U.S Department of Agriculture*.

Food and Drug Administration (FDA) bertanggungjawab untuk memastikan makanan-makanan yang dijual di Amerika Syarikat selamat dan dilabelkan dengan sempurna. Pengawasan ini dilaksanakan kepada makanan-makanan tempatan dan makanan-makanan yang diimport dari negara-negara luar. *Federal Food, Drug, and Cosmetic Act (FD&C Act)* dan *Fair Packaging and Labeling Act* merupakan undang-undang persekutuan bagi mengawal produk-produk makanan yang diletakkan di bawah bidang kuasa penguatkuasaan kepada FDA.²⁸

Nutrition Labeling and Education Act (NLEA), yang telah meminda FD&C Act mengkehendaki kebanyakan pengeluar makanan melabelkan kenyataan tentang kandungan dan mesej kesihatan tertentu yang tertakluk kepada beberapa keperluan.

Undang-undang Amerika Syarikat pada masa kini menetapkan bahawa semua label makanan perlu mengandungi aspek-aspek asas yang meliputi nama produk makanan, kandungan bersih, nama serta alamat pengeluar makanan, pembungkus atau pengedar. Komponen-komponen lain yang perlu dilabelkan adalah berbeza mengikut jenis makanan.

Terdapat dua cara pelabelan bungkusan atau pek makanan iaitu:

- i) meletakkan pernyataan tentang label makanan di depan panel label atau
- ii) meletakkan pernyataan label khusus yang tertentu atau label lain di panel maklumat.²⁹

Terdapat beberapa peraturan pelabelan yang telah ditetapkan di atas *PDP* dan *alternate PDP* bagi produk makanan. *PDP* ialah bahagian label pek makanan yang kemungkinan besar dilihat oleh pengguna semasa pembelian. *Alternate PDP* pula adalah permukaan sampingan pada produk makanan yang sesuai untuk dipamerkan bersama *PDP*.³⁰

Undang-Undang Amerika Syarikat menetapkan bahawa pelabelan perlu mengandungi pernyataan-pernyataan tentang identiti atau nama makanan, kandungan bersih atau jumlah produk di atas *PDP* dan di

²⁷ <http://edms.matrade.gov.my/domdoc/Reports.nsf>.

²⁸ <http://www.cfsan.fda.gov/~dms/2lg-toc.html>.

²⁹ 21 CFR 101.2, 21 CFR 101.3, 21 CFR 101.4, 21 CFR 101.9, dan 21 CFR 101.105, & <http://www.cfsan.fda.gov/~dms/2lg-3.html>

³⁰ 21 CFR 101.1 & <http://www.cfsan.fda.gov/~dms/2lg-3.html>. Rujuk lampiran A.

atas *alternate PDP*. Pelabelan di panel maklumat pula perlu mengandungi nama dan alamat pengeluar, pembungkus atau pengedar, senarai bahan-bahan dan label nutrisi.³¹

Walaupun peraturan pelabelan ini ditetapkan secara mandatori di Amerika Syarikat, namun terdapat beberapa produk makanan yang dikecualikan daripada pelabelan ini di bawah *Nutrition Labeling and Education Act* (NLEA). Produk-produk makanan yang dikecualikan termasuklah seperti berikut :

- i) makanan yang disediakan untuk dimakan segera seperti makanan yang dihidangkan di cafeteria hospital, kapal terbang dan makanan yang dijual oleh perkhimatan penghantaran makanan;
- ii) makanan sedia untuk dimakan yang bukan untuk tujuan dimakan segera tetapi disediakan di tempat jualan seperti kedai roti dan stor candi;
- iii) muatan makanan yang dibawa dengan kapal selagi mana makanan tersebut bukan untuk dijual dalam bentuk sedemikian kepada pengguna;
- iv) makanan perubatan seperti makanan yang dikhususkan untuk memenuhi keperluan nutrisi pesakit-pesakit tertentu; dan
- v) kopi serta the kosong, rempah tertentu dan makanan lain yang tidak mengandungi jumlah penting bagi nutrisi-nutrisi.

Berdasarkan pindaan 1993 kepada *Nutrition Labeling and Education Act* (NLEA), makanan yang dikeluarkan oleh perniagaan-perniagaan kecil juga dikecualikan daripada peraturan pelabelan mandatori yang ditetapkan di Amerika Syarikat.

PENUTUP

Pelabelan makanan di Malaysia yang digariskan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dilihat sebagai usaha yang mapan bagi melindungi kepentingan pengguna dan menjamin kualiti produk makanan yang dihasilkan. Peraturan pelabelan makanan ini juga terpakai kepada produk makanan yang dihasilkan oleh Industri Kecil Sederhana (IKS) berdasarkan justifikasi skop Akta Makanan yang meliputi kepada semua makanan yang meliputi setiap barang yang dikilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman untuk kegunaan manusia.

Namun, pelabelan makanan yang ditetapkan dalam undang-undang di Malaysia ternyata hanyalah sebagai pilihan sukarela. Tiada penetapan pelabelan mandatori dipraktikkan di Malaysia. Prinsip pelabelan makanan secara sukarela ini sebenarnya turut dilaksanakan di kebanyakan negara lain termasuklah Singapura, Korea Selatan, Thailand dan United Kingdom. Namun, pelabelan makanan mandatori hanya dikuatkuasakan terhadap beberapa jenis produk makanan seperti susu formula bayi yang disenaraikan untuk wajib dilabelkan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Malaysia belum lagi mengorak langkah pragmatik dengan mengimplementasikan pelabelan mandatori bagi keseluruhan produk makanan yang dihasilkan sebagaimana yang dikuatkuasakan di Amerika Syarikat.

Penulis berpendapat bahawa pelabelan makanan yang ditetapkan dalam undang-undang Malaysia merupakan titik tolak yang baik bagi melindungi pengguna di Malaysia. Namun, beberapa langkah pengemaskinian serta pemantapan terhadap undang-undang pelabelan makanan di Malaysia perlu diambil. Penulis menyarankan agar undang-undang Malaysia mewajibkan pelabelan makanan kepada semua produk makanan di Malaysia. Dengan pelabelan mandatori ini, semua pengeluar produk makanan

³¹ 21 CFR 101.2(b) and (d). Rujuk lampiran B.

yang dihasilkan akan terikat dengan langkah melabelkan makanan tanpa sebarang pengecualian. Langkah Amerika Syarikat dalam aspek pelabelan mandatori ini sewajarnya diteladani oleh Malaysia. Pelabelan mandatori dapat mempertingkatkan kualiti serta keselamatan produk makanan yang dihasilkan yang mana impak besarnya adalah ke arah melindungi pengguna di Malaysia.

Dengan penetapan pelabelan makanan mandatori ini juga, hukuman yang ditetapkan dalam Akta Makanan 1983 terhadap pengeluar makanan yang tidak memenuhi standard pelabelan makanan dapat diperluaskan kepada semua pengeluar makanan yang gagal mematuhi undang-undang pelabelan makanan. Skop hukuman tidak akan terhadap pengeluar makanan tertentu sahaja seperti pengeluar susu formula bayi sebagaimana yang dikuatkuasakan pada masa kini.

Selain aspek undang-undang, aspek penguatkuasaan juga perlu dititikberatkan. Undang-undang dan penguatkuasaan perlu diselarikan dalam memangkinkan pelaksanaan pelabelan makanan yang tulus serta mantap dan memastikan tercapainya objektif penggubalan undang-undang. Kerajaan sewajarnya perlu memantapkan aspek penguatkuasaan dengan mempelbagaikan iltizam dan langkah bagi melatih agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia termasuklah Kementerian Kesihatan Malaysia. Kerajaan boleh mengadakan lebih banyak kursus dan latihan penguatkuasaan melipti pemeriksaan dan pengesahan pelabelan produk makanan dari semasa ke semasa. Selain itu, langkah kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia dengan agensi-agensi penguatkuasaan luar negara seperti Standard Agency di United Kingdom serta pertubuhan makanan antarabangsa seperti CODEX boleh dipraktikkan bagi memperoleh saranan-saranan dan input piawaian serta garis panduan penguatkuasaan pelabelan produk makanan.

Di samping itu, penulis menyarankan agar peraturan pra-pemasaran seperti yang diamalkan di Indonesia dan Thailand wajar dicontohi oleh Malaysia. Langkah ini diharapkan berkesan bagi menjamin pelaksanaan pematuhan pelabelan produk makanan oleh semua pengeluar makanan termasuk IKS.

Penulis berkeyakinan bahawa undang-undang dan penguatkuasaan yang mantap dapat menjamin pelaksanaan pelabelan makanan yang baik dan efektif di Malaysia. Namun, usaha semua pihak terutamanya pihak kerajaan dan pengeluar makanan itu sendiri dari semasa ke semasa amat dituntut. Iltizam dan kesungguhan penguatkuasaan perlu diterjemahkan dalam bentuk langkah yang praktikal. Dengan itu, aspek pelabelan produk makanan akan mencapai hasil yang digagaskan bagi melindungi kepentingan dan keselamatan pengguna di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Razak Raaff. (2008). Produk makanan wajib lulus BKKM. Berita Harian, 12 Feb. 2008.
CAC/GL 1-1979 (Rev.1-1991) [16].
CAC/GL 2-1985 (Rev.1-1993) [17].
<http://www.food.gov.uk>.
<http://www.epu.jpm.my/new%20folder/zakiah/D.section2.pdf>
<http://edms.matrade.gov.my/domdoc/Reports.nsf>.
<http://www.cfsan.fda.gov/~dms/21g-toc.html>.
<http://www.cfsan.fda.gov/~dms/21g-3.html>
<http://www.cfsan.fda.gov/~dms/21g-3.html>.
<http://www.utusan.com.my>.
http://www.ats.agr.gc.ca/asean/singapore_label-e.htm.
Norliza Abd. Rahman. (2008). Produk makanan wajib jalani analisis kandungan zat. Utusan Malaysia, 12 Feb. 2008.

Perkara 10.

Perkara 11.

Seksyen 15 Akta Makanan 1983.

Tee E Siong. *Apa yang patut anda tahu – Cadangan pelabelan dan tuntutan pemakanan*. Atas talian <http://nutriweb.org.my>.

The Star, Sunday December 23, 2007.

The Star, Sunday December 23, 2007.

www.nutriweb.org.my.


www.food.gov.uk/foodlabelling/uk.

www.ats.agr.gc.ca/asean/thailand_label-e.htm. *Food labelling requirements for Thailand*. Atas talian pada 25 April 2008.

www.famaxchange.org/index.

Zanariah Abd Mutalib. (2008). Tindakan kepada pengeluar yang langgar peraturan iklan dan label produk makanan. *mstar.com.my*. 12 Feb.2008.

LAMPIRAN A



LAMPIRAN B

